

Khalid Sangkal Dakwaan Dr Mahathir Undi Pembangkang Sebagai Undi Kepada Soros
Bernama
7 Oktober, 2012

KUALA SELANGOR, 7 Okt (Bernama) -- Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim hari ini menyangkal dakwaan bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa mengundi pembangkang (Pakatan Rakyat) dalam pilihan raya umum boleh disifatkan sebagai undi kepada George Soros, spekulator matawang.

"Saya percaya tiada yang kenal dengan Soros dan anggota parti khususnya sudah matang, dan matang menilai kenyataan seumpama itu," kata Khalid yang juga Ketua Cabang Parti Keadilan Rakyat (PKR) Kuala Selangor.

Dr Mahathir mendakwa demikian dalam sebuah akhbar berbahasa Inggeris hari ini.

Dalam pada itu, semasa berucap pada perasmian Mesyuarat Agung PKR Cabang Kuala Selangor 2012 di Ijok, dekat sini, Khalid mengakui masih ada anggota parti itu yang memperlekeh parti dan meragui Pakatan Rakyat - gabungan kerjasama PAS, DAP dan PKR.

"Saya akui masih ada ahli yang sanggup 'makan' dan memijak ahli lain demi kepentingan diri sendiri."Sedangkan kita perlu bersatu serta bersikap matang dalam mencapai matlamat parti," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=700188>